



**Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA**

1. Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding perancangan bandar dan wilayah yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **330206** untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut :-

Bil.	No. Tender/ Nama Projek	Kod Bidang	Tarikh, Tempat & Masa Tutup	Syarat Utama Pelawaan
1.	<b>JPBD(IP)S 185/646/1-167</b> Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Sepang, Selangor 2035 (Penggantian)	<b>330206</b> (Perancangan Bandar dan Wilayah)	<b>23 Februari 2024</b> (Jumaat)  <b>Jam 12.00</b> tengah hari  <b>Aras 12,</b> <b>Blok F5,</b> <b>Parcel F,</b> <b>Presint 1,</b> <b>62675</b> <b>Putrajaya</b>	<p>1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF)</p> <p>2. Berdaftar di bawah Kod 330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah)</p> <p>3. Berdaftar dengan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM)</p> <p>4. Tempoh pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) dan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) masih sah laku. Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan hendaklah masih sah <u>sekurang-kurangnya tiga (3) bulan</u> daripada tarikh tender diiklankan/surat dipelawa selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PK 3 Perolehan Perkhidmatan Perunding (PK 3.3 Perkara 2.1.1)</p>
2.	<b>JPBD(IP)S 185/646/1-173</b> Kajian Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Johor Bahru, Johor 2035 (Penggantian)			
3.	<b>JPBD(IP)S 185/646/1-174</b> Kajian Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Johor 2035 (Penggantian)			
4.	<b>JPBD(IP)S 185/646/1-176</b> Kajian Rancangan Fizikal Negara Kelima (RFN5)			
5.	<b>JPBD(IP)S 185/646/1-177</b> Kajian Dasar Perbandaran Negara Ketiga (DPN3)			

- Syarat-syarat, arahan dan maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan dan boleh didapati daripada kaunter di **Seksyen Kewangan, Aras 12, Blok F5, Parcel F, Presint 1, 62675 Putrajaya** selepas taklimat tender pada **2 Februari 2024 (Jumaat)**.

**WAKTU OPERASI JUALAN DOKUMEN TENDER:**

**Isnin – Khamis : 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari**

**Jumaat : 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari**

**Sabtu/ Ahad/ Cuti Am/ Cuti Umum : TUTUP**

**\* TIADA URUSNIAGA DILAKSANAKAN SELEPAS WAKTU OPERASI DI ATAS BAGI TUJUAN URUSAN PERBANKAN.**

- Dokumen Pelawaan adalah dijual dengan kadar **RM60.00** bagi setiap satu (1) set.
- Hanya **Firma perunding yang telah menghadiri Taklimat Tender sahaja** boleh membuat pembelian dokumen pelawaan. **Dokumen Pelawaan tidak akan dijual kepada mereka yang tidak menghadiri taklimat tender yang ditetapkan.**
- Bayaran bagi dokumen pelawaan hendaklah dibuat dalam bentuk **draf bank** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau **kiriman wang pos (money order)** atau **wang kiriman pos berpaling (postal order)**, dan dibayar atas nama **Akauntan Negara Malaysia – KPKT – T.**
- Petender hendaklah menghantar Cadangan Tender secara **SERAHAN TANGAN** kepada **Urus Setia Tender** di alamat berikut:

---

**Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Aras 12, Blok F5, Parcel F, Presint 1, 62675 Putrajaya**

---

- Taklimat Tender adalah **DIWAJIBKAN** kepada petender dan hanya **PENAMA** yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding MOF** sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat tender tersebut. Petender yang hadir lewat dari masa pendaftaran yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Taklimat akan diadakan seperti ketetapan berikut:

**Tarikh : 2 Februari 2024 (Jumaat)**

**Masa : 9.00 pagi – 12.00 tengah hari**

**Tempat : Bilik Latihan Kemboja@11**

**Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)**

**Aras 11, Blok F5, Parcel F, Presint 1, 62675 Putrajaya.**

- Firma perunding dikehendaki untuk mengemukakan **Pengesahan Kehadiran** melalui Google Form seperti di link ini <https://forms.gle/BPiTjAKpa4eL4b598>